

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON

Norhana Aziani Binti Mohd Bostaman, Rafedah Binti Husain & Nurismah Binti Ibrahim

Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson

Abstrak

Pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh dunia termasuk Malaysia pada tahun 2020 telah memberi kesan kepada banyak aspek kehidupan, terutamanya kesihatan, sosial, kewangan dan ekonomi. Wabak ini telah memberi kesan besar terhadap sektor ekonomi negara. Sekatan pergerakan yang diperkenalkan oleh kerajaan telah menyebabkan aktiviti ekonomi terjejas teruk. Rentetan itu, ramai yang kehilangan pekerjaan dan berlaku pemotongan gaji pekerja oleh majikan. Bagi ibu bapa yang terkesan dengan pandemik ini dari segi kewangan akan turut memberi kesan kepada anak-anak mereka yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi. Kajian deskriptif ini dijalankan untuk mengkaji amalan pengurusan kewangan di kalangan pelajar Perakaunan, Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson. Seramai 107 orang responden yang telah dipilih secara rawak dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi latar belakang responden dan bahagian B yang terdiri daripada 30 soalan berkaitan dengan persoalan kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian komputer The Statistical Package for The Social Science (SPSS) Versi 22.0. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar politeknik mempunyai tahap pengurusan kewangan yang baik dan mereka menyedari akan kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan mereka. Kajian juga mendapati tahap pengurusan kewangan pelajar politeknik masih di tahap sederhana dan perlu dipertingkatkan. Pelajar politeknik menyedari cabaran yang mereka hadapi dalam mengurus perbelanjaan dengan purata min keseluruhan adalah 2.63 iaitu berada pada tahap sederhana. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengetahuan pelajar tentang pengurusan kewangan supaya tahap pengurusan kewangan mereka berada pada tahap tinggi di masa depan.

© 2022 Published by JOJAPS Limited

Kata Kunci: - Pendidikan, Pengurusan Kewangan, Covid-19

1. Pengenalan

Seramai 10,317 individu diisytihar muflis sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Angka berkenaan adalah berdasarkan statistik Jabatan Insolvency Malaysia sejak Mac 2020 hingga Julai 2021 yang mana ia berpunca daripada pandemik Covid-19 (Utusan, 2021). Pandemik Covid-19 yang berlaku telah memberi kesan buruk kepada ekonomi negara dan juga ekonomi isi rumah di Malaysia. Ramai pekerja yang terpaksa diberhentikan kerja kerana majikan mereka tidak mampu untuk meneruskan operasi akibat pandemik ini. Kewangan keluarga yang terjejas teruk kerana pandemik ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada kewangan pelajar yang sedang menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengurusan kewangan pelajar politeknik semasa pandemik Covid-19.

2. Kajian Literatur

2.1 Literasi Kewangan

Literasi kewangan merupakan keupayaan seseorang individu untuk memahami serta mengaplikasikan konsep kewangan (Servon & Kaestner, 2008). Menurut Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), (2005) mendefinisikan literasi kewangan sebagai kesedaran, ilmu, kemahiran, sikap dan tabiat yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak. Selain itu, literasi kewangan merupakan gabungan pengetahuan kewangan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang berhemah (Murugiah, 2016).

Literasi kewangan mempunyai 3 elemen iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan. Semua elemen ini saling berhubungan antara satu sama lain (Moore, 2003). Selain itu, pengkaji juga menyatakan bahawa tahap literasi kewangan seseorang individu boleh diramal. Apabila mereka menggunakan pengetahuan kewangan dan pengalaman kewangan yang tinggi, mereka akan menunjukkan sikap kewangan yang positif. Kesannya, pengurusan kewangan mereka juga akan lebih baik dan cekap.

Ramai pelajar tidak tahu cara menguruskan wang dengan betul. Apabila mereka mempunyai wang, pelajar akan membelanjakan wang tersebut bagi memenuhi kemahuan mereka. Ini berlaku kerana kurangnya kefahaman tentang celik kewangan di kalangan pelajar (Dahlia et al., 2009). Dapatan lain oleh Salamon & Lee (2012) menunjukkan tahap kecekapan pengurusan kewangan mahasiswa masih di bawah tahap sederhana dan perlu ditingkatkan. Kajian Norazam & Othman (2017) menyatakan literasi kewangan mahasiswa institusi pengajian tinggi di Bangi berada pada tahap yang tinggi. Namun sebaliknya dalam kajian Aladdin & Ahmad (2017) menunjukkan tahap celik kewangan mahasiswa berada pada tahap yang sederhana. Dapatan menunjukkan mereka kurang pengetahuan tentang hutang.

Kajian lain oleh Wahid & Zahari (2020) mendapati bahawa secara purata, literasi kewangan yang dimiliki oleh pelajar UKM berada pada tahap sederhana. Selain itu, mereka juga mendapati perbelanjaan pelajar juga berada pada tahap sederhana kesan daripada literasi kewangan yang dimiliki. Mereka bersetuju pelajar tidak akan mengalami masalah ketidakcukupan wang lagi apabila pelajar memiliki literasi kewangan. Pelbagai pihak perlu memainkan peranan meningkatkan kesedaran berkenaan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar universiti sebagai persediaan mereka sebelum ke dunia sebenar.

Menurut Selvanathan, Krisnan & Wen (2016) tahap literasi kewangan yang rendah akan menyebabkan pengurusan kewangan yang tidak baik kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan kewangan peribadi. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Othman, Abdul Rahim & Sabri (2015) yang mendapati apabila individu mempunyai tahap celik kewangan yang rendah menyebabkan individu tersebut tidak dapat membuat keputusan kewangan yang baik. Masalah kewangan akan lebih mudah dialami oleh individu yang mempunyai tahap celik kewangan yang rendah. Hussin & Rosli (2019) menyatakan golongan yang rendah dalam celik kewangan adalah pelajar. Oleh itu, pelajar perlu didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan ini. Tahap pendidikan kewangan mempunyai hubungan yang positif dengan literasi kewangan seperti yang diperolehi dalam kajian Wachira & Kihii (2012).

Kajian oleh Noraihan et al., (2013) menunjukkan tahap literasi kewangan para pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah adalah rendah. Pelajar tidak mempunyai kecekapan dalam mengurus kewangan mereka. Pengkaji mendapati pelajar berbelanja melebihi sumber kewangan yang mereka miliki dan mereka berbelanja mengikut kemahuan. Apabila individu mempunyai pendidikan kewangan yang berkualiti, mereka akan mempunyai kefahaman dan literasi kewangan yang lebih baik. Ini mendorong mereka untuk membuat keputusan yang bijak dan mempunyai pengurusan kewangan yang lebih berkesan (Hogarth, 2002).

2.2 Pandemik Covid-19

Pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh dunia termasuk Malaysia pada tahun 2020 telah memberi kesan kepada banyak aspek kehidupan, terutamanya kesihatan, sosial, kewangan dan ekonomi. Wabak ini telah memberi kesan besar terhadap sektor ekonomi negara. Sekatan pergerakan yang diperkenalkan oleh kerajaan telah menyebabkan aktiviti ekonomi terjejas teruk. Rentetan itu, ramai yang kehilangan pekerjaan dan berlaku pemotongan gaji pekerja oleh majikan. Bagi ibu bapa yang terkesan dengan pandemik ini dari segi kewangan akan turut memberi kesan kepada anak-anak mereka yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi.

Menurut Ketua Perangkaan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan hampir separuh atau 46.6 peratus responden yang bekerja sendiri menyatakan kehilangan pekerjaan dan dianggarkan sembilan daripada 10 responden yang masih bekerja mengalami pengurangan pendapatan daripada biasa. Dapatan ini adalah hasil kaji selidik khas tentang kesan coronavirus (Covid-19) terhadap ekonomi dan individu (Pusingan Satu) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan (Sinar Harian, 2020). Selain itu, beliau juga menyatakan hanya 6.2 peratus responden menyatakan kurang terkesan berbanding 52.6 peratus responden yang menyatakan sangat terkesan dari segi kewangan akibat pandemik ini.

Kajian oleh Mat et al., (2021) menyatakan sektor pekerjaan yang terjejas akibat Covid-19 ini secara tidak langsung mengubah gaya berbelanja setiap isi rumah. Mereka lebih berhati-hati dalam merancang pengurusan perbelanjaan mereka. Mereka lebih menumpukan perbelanjaan ke atas keperluan hidup dengan pendapatan yang diperolehi. Sepanjang pandemik ini, ramai pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Malah, terdapat sebilangan majikan yang terpaksa memotong atau tidak memberikan gaji kepada pekerja mereka. Ini kerana aktiviti ekonomi termasuk perniagaan tidak dapat beroperasi dan ada majikan yang terpaksa menutup operasi mereka. Hal ini dibuktikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di mana dalam 3.3 billion tenaga kerja di peringkat global, empat daripada lima orang pekerja terjejas akibat penutupan premis sama ada separa atau sepenuhnya (Abdull Rahman, 2020).

Ramai pekerja yang terpaksa diberhentikan kerja kerana majikan mereka tidak mampu untuk meneruskan operasi akibat pandemik ini. Kewangan keluarga yang terjejas teruk kerana pandemik ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada kewangan pelajar yang sedang menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengurusan kewangan pelajar politeknik semasa pandemik Covid-19.

3. Penyataan Masalah

Menurut Abdul-Rahman & Zulkifly (2016) kurangnya pengetahuan pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa telah menyebabkan mereka gagal mengurus kewangan dengan baik. Setiap individu memerlukan wang yang mencukupi untuk menjalani kehidupan yang baik di zaman yang semakin mencabar ini. Kegagalan memiliki dan mengurus wang dengan berkesan menyebabkan pelbagai masalah lain pula yang timbul. Dengan kemelut pandemik Covid-19 yang sedang melanda ini, cabaran kewangan semakin mencabar dan membebankan apabila pelajar tidak mempunyai pengurusan kewangan yang baik. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengurusan kewangan pelajar politeknik semasa pandemik Covid-19.

4. Objektif Kajian

- a. Menenalpasti tahap pengurusan kewangan pelajar Politeknik Port Dickson
- b. Menenalpasti cabaran yang dihadapi pelajar Politeknik Port Dickson dalam mengurus perbelanjaan

5. Persoalan Kajian

- a. Bagaimanakah pelajar Politeknik Port Dickson mengurus kewangan mereka?
- b. Apakah cabaran yang dihadapi pelajar Politeknik Port Dickson dalam mengurus perbelanjaan mereka?

6. Metodologi Kajian

Bahagian ini menerangkan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi tujuan pengumpulan serta penganalisan data. Perbincangan dan dapatan seperti rekabentuk kajian, populasi, sampel kajian, instrumen kajian, pembolehubah, pengumpulan dan penganalisan data dibentangkan dan dibincangkan dalam bab ini.

6.1 Rekabentuk Kajian

Pengkaji menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif iaitu jenis tinjauan menggunakan borang soal selidik secara atas talian. Kaedah ini dipilih untuk mengkaji amalan pengurusan kewangan di kalangan pelajar Perakaunan, Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson. Kaedah ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat untuk kajian ini.

6.2 Populasi dan Sampel Kajian

Dalam sesebuah kajian, populasi merujuk kepada semua ahli yang berada dalam kelompok yang sama. Populasi ini boleh dicapai dan menjadi tumpuan kajian. Menurut Gay et al. (2011), populasi yang dipilih merupakan pilihan yang realistik dan boleh dicapai dalam sesuatu kajian. Dalam kajian ini, populasi merupakan semua pelajar Perakaunan di Jabatan Perdagangan bagi sesi Disember 2020 berjumlah 441 orang. Menurut Salamon & Lee (2012), sampel adalah sebahagian daripada populasi yang digunakan dalam sesuatu kajian. Mohd. Majid Konting (2005) menyatakan sampel yang dipilih sekurang-kurangnya mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan. Saiz sampel yang paling kecil dibenarkan untuk sesuatu ukuran ialah 30 orang responden. Sampel bagi kajian ini diambil secara rawak dan secara bertujuan (purposive sampling). Dalam pensampelan rawak mudah, setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel (Noraini, 2013). Pengkaji telah melibatkan seramai 107 orang pelajar perakaunan bagi Sesi Disember 2020 di Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson.

6.3 Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan borang soal selidik atas talian. Ia merangkumi 30 item yang terdiri daripada pernyataan tentang pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa yang diadaptasi daripada kajian Salamon & Lee (2012). Soal selidik ini menggunakan skala Likert. Skala ini diukur menggunakan Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Agak Setuju (AS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). STS diwakili oleh skala 1 manakala SS diwakili oleh skala 5. Instrumen kajian ini terdiri daripada 3 komponen iaitu tahap pengurusan kewangan, cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan langkah-langkah pengurusan kewangan berkesan.

6.4 Kaedah Analisis Data

Data dalam kajian ini dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Pengkaji menggunakan perisian The Statistical Package for The Social Science (SPSS) Versi 22.0. Bagi bahagian A kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah peratusan (%) bagi menganalisis data demografi kajian. Manakala bagi bahagian B, pengkaji menggunakan analisis dua kaedah Tafsiran Julat Nilai Min yang dicadangkan oleh Mohd Najib (2003) seperti Jadual 1 di bawah.

Skor Min	Tafsiran	Tahap
1.0 hingga 2.33	Rendah	Lemah
2.34 hingga 3.66	Sederhana	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi	Baik

Jadual 1: Tafsiran Julat Nilai Min

6.5 Ujian Kebolehpercayaan

Bagi memastikan soal selidik boleh dipercayai dan konsisten, Hair et al. (2010) menyatakan nilai cronbach alpha yang diperolehi perlu melebihi nilai 0.6. Nilai cronbach alpha bagi semua pembolehubah dalam kajian ini ialah 0.855. Ini menunjukkan semua pembolehubah boleh dipercayai dan konsisten serta mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

7. Dapatan & Perbincangan

Hasil daripada data yang dikumpul dibincangkan di bahagian ini. Data kajian diproses selepas semua data tinjauan atas talian telah lengkap diperolehi. Bab ini membincangkan analisis dapatan kajian secara ringkas.

Demografi

No	Item	Kekerapan	Peratus
1	Jantina		
	Lelaki	28	26.2
	Perempuan	79	73.8
2	Umur		
	19 – 20	75	70.1
	21 – 22	28	26.2
	23 – 24	2	1.9
	25 ke atas	2	1.9
3	Kaum		
	Melayu	63	58.9
	India	43	40.2
	Lain-lain	1	0.9
4	Semester		
	1	47	43.9
	3	39	36.4
	5	21	19.6
5	Pendapatan Ibu bapa		
	B40	81	75.7
	M40	18	16.8
	T20	3	2.8

6	Sumber Kewangan		
	Sendiri / Ibu bapa	63	58.9
	PTPTN	39	36.4
	Biasiswa	4	3.7
	Lain-lain	1	0.9

Jadual 2: Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan taburan profil responden bagi kajian ini. Daripada keseluruhan responden, 73.8% adalah perempuan dan 26.2% adalah lelaki. Selain itu, purata umur responden dalam kajian ini antara 19 – 20 tahun (70.1%). Responden kajian ini terdiri daripada kaum Melayu iaitu 58.9%, India sebanyak 40.2% dan lain-lain, 0.09%. Majoriti pendapatan ibu bapa responden adalah dalam kategori B40 iaitu 75.7%. Secara amnya, sumber kewangan pengajian responden dibayar sendiri atau oleh ibu bapa sebanyak 58.9%.

Dapatan 1 – Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar Politeknik Port Dickson

No	Item soalan	Kekerapan dan peratusan					Min	Tahap
		STS	TS	AS	S	ST		
1	Saya dapat menguruskan kewangan saya dengan baik	5	5	22	35	40	3.93	Baik
2	Saya sangat mengambil berat tentang pengurusan kewangan.	4	0	18	28	57	4.25	Baik
3	Saya sedar mengenai kepentingan mempunyai pengetahuan yang jelas tentang cara menguruskan kewangan.	1	1	12	27	66	4.46	Baik
4	Saya tahu kaedah yang betul untuk urus kewangan.	1	3	24	34	45	4.11	Baik
5	Saya akan hadapi banyak masalah jika tidak menguruskan kewangan dengan baik.	2	2	13	19	71	4.45	Baik
6	Saya pernah merancang perbelanjaan harian saya.	2	2	21	28	54	4.21	Baik
7	Saya membuat perancangan yang sistematik untuk menguruskan wang pada setiap semester.	2	4	15	36	50	4.20	Baik
8	Saya selalu boros berbelanja ketika wang pinjaman pelajaran baru diperolehi dan hanya berjimat setelah wang tersebut semakin berkurang.	26	17	22	20	22	2.95	Sederhana
9	Pinjaman yang diperolehi setiap semester mencukupi jika saya bijak menguruskannya.	2	5	20	28	52	4.15	Baik
10	Sebagai seorang pelajar, saya perlu melatih diri untuk menguruskan kewangan dengan cekap dan sistematik.	1	0	9	22	75	4.59	Baik
11	Saya sentiasa menyenaraikan perbelanjaan yang dibuat dan selalu menyemak kembali untuk memperbaiki tahap pengurusan kewangan saya.	2	8	18	27	52	4.11	Baik
12	Saya sentiasa mengutamakan perkara yang penting dalam berbelanja.	1	2	15	24	65	4.40	Baik
13	Saya memperuntukkan sejumlah wang yang diterima untuk simpanan kecemasan dan jangka masa panjang.	2	3	14	25	63	4.35	Baik
Jumlah Min Keseluruhan							4.18	Baik

Jadual 3: Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar Politeknik Port Dickson

Berdasarkan jadual 3, nilai min keseluruhan bagi tahap pengurusan kewangan pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson ialah 4.18 dan berada pada tahap baik. Selain itu, nilai min tertinggi adalah 4.59 iaitu responden menyatakan saya perlu

melatih diri untuk menguruskan kewangan dengan cekap dan sistematik sebanyak 75 responden (70.1%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala nilai min paling rendah pula adalah min 2.95. Responden memberikan respon negatif bahawa mereka selalu boros berbelanja ketika wang pinjaman pelajaran baru diperolehi dan hanya berjimat setelah wang tersebut semakin berkurang dan berada pada tahap sederhana.

Dapatan 2 – Cabaran Yang Dihadapi Pelajar Politeknik Port Dickson dalam Mengurus Perbelanjaan

No	Item soalan	Kekerapan dan peratusan					Min	Tahap
		STS	TS	AS	S	ST		
1	Saya menghabiskan sebahagian besar wang untuk keperluan harian.	20	27	30	20	10	2.75	Sederhana
2	Saya terdorong membeli apa sahaja yang saya suka.	30	24	24	23	6	2.54	Sederhana
3	Saya sering berbelanja melebihi daripada apa yang saya rancang.	27	29	28	14	9	2.52	Sederhana
4	Semasa membeli-belah, saya selalu membeli barangan yang tidak termasuk dalam senarai pembelian saya kerana tertarik kepada tawaran istimewa atau jenamanya.	28	23	26	22	8	2.62	Sederhana
5	Saya gemar membeli barangan yang berjenama dan berkualiti walaupun tinggi harganya.	33	19	23	16	16	2.65	Sederhana
6	Saya amat mementingkan jenama dalam membeli sesuatu keperluan.	28	24	33	14	8	2.53	Sederhana
7	Wang perbelanjaan yang diterima tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan saya selama satu semester.	39	18	32	5	13	2.39	Sederhana
8	Saya berbelanja lebih untuk makanan.	15	11	32	21	28	3.34	Sederhana
9	Saya sentiasa membeli pakaian dan barang-barang perhiasan untuk kelihatan cantik dan bergaya.	38	21	31	12	5	2.30	Lemah
10	Saya banyak membelanjakan wang saya untuk menambah nilai telefon bimbit saya melebihi peruntukan yang dirancang.	30	27	22	18	10	2.54	Sederhana
Jumlah Min Keseluruhan							2.63	Sederhana

Jadual 4: Cabaran Yang Dihadapi Pelajar Politeknik Port Dickson dalam Mengurus Perbelanjaan

Jadual 4 menunjukkan dapatan berkenaan cabaran yang dihadapi oleh pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson dalam mengurus perbelanjaan. Purata min keseluruhan bagi bahagian ini adalah 2.63 dan berada pada tahap sederhana. Nilai min tertinggi adalah 3.34 iaitu pada pernyataan 8. Nilai min ini berada pada tahap sederhana. Responden mengakui bahawa mereka berbelanja lebih untuk makanan. Manakala nilai min terendah pula adalah pada pernyataan 9 di mana nilai purata adalah 2.30. Responden menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka sentiasa membeli pakaian dan barang-barang perhiasan untuk kelihatan cantik dan bergaya. Nilai min ini berada pada tahap lemah.

Dapatan 3 – Langkah-langkah yang diambil Pelajar Politeknik Port Dickson dalam Pengurusan Kewangan yang Berkesan

No	Item soalan	Kekerapan dan peratusan					Min	Tahap
		STS	TS	AS	S	ST		
1	Saya tahu banyak langkah yang boleh dilakukan oleh pelajar bagi menguruskan kewangan yang baik	1	0	15	33	58	4.37	Baik
2	Saya rasa membeli barangan akademik perlu diutamakan berbanding untuk perkara lain dalam perbelanjaan.	1	1	14	33	58	4.36	Baik
3	Saya berpendapat melakukan kerja sambil boleh menambahkan sumber kewangan sekiranya pelajar mampu untuk membahagikan masa kerja dengan masa belajar.	2	1	19	34	51	4.22	Baik
4	Amalan berjimat cermat mampu menguruskan kewangan dengan lebih sistematik dan mengelak pembaziran.	1	0	6	29	71	4.58	Baik
5	Saya rasa berjimat-cermat dapat mengawal pengaliran keluar wang tanpa tujuan.	3	1	14	25	64	4.36	Baik
6	Saya berpendapat dengan pengurusan yang sistematik saya akan dapat mengawal keinginan saya untuk berbelanja.	1	0	10	27	69	4.52	Baik
7	Saya rasa berhutang bukanlah satu jalan yang baik untuk menyelesaikan masalah dalam kewangan.	2	1	11	19	74	4.51	Baik
Jumlah Min Keseluruhan							4.42	Baik

Jadual 5: Langkah-langkah yang diambil Pelajar Politeknik Port Dickson dalam Pengurusan Kewangan yang Berkesan

Berdasarkan jadual 5, dapatan berkenaan bagi langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar politeknik dalam pengurusan kewangan yang berkesan. Jumlah min keseluruhan berada pada tahap baik dengan nilai min yang diperolehi 4.42. Nilai min tertinggi pada bahagian ini adalah 4.58. Kajian mendapati 71 responden (66.4%) bersetuju bahawa amalan berjimat cermat mampu menguruskan kewangan dengan lebih sistematik dan mengelak pembaziran. Nilai min ini berada pada tahap baik. Dapatan kajian juga mendapati nilai min yang berada pada kedudukan paling rendah adalah 4.22. Mereka bersetuju dengan pernyataan bahawa melakukan kerja sambil boleh menambahkan sumber kewangan sekiranya pelajar mampu untuk membahagikan masa kerja dengan masa belajar. Nilai min ini berada pada tahap baik.

8. Perbincangan

Setelah meneliti dapatan kajian yang diperolehi, ia menunjukkan pelajar Politeknik Port Dickson berada di tahap sederhana dalam pengurusan kewangan mereka. Hal ini sejajar dengan kajian lepas oleh Salamon & Lee (2012), Aladdin & Ahmad (2017) dan Wahid & Zahari (2020). Salamon & Lee (2012) menyatakan tahap kecekapan pengurusan kewangan mahasiswa masih di bawah tahap sederhana dan perlu ditingkatkan. Dapatan oleh Aladdin & Ahmad (2017) menunjukkan tahap celik kewangan mahasiswa berada pada tahap yang sederhana. Dapatan mereka juga menunjukkan pelajar kurang pengetahuan tentang hutang. Kajian lain oleh Wahid & Zahari (2020) mendapati bahawa secara purata, literasi kewangan yang dimiliki oleh pelajar berada pada tahap sederhana. Selain itu, mereka juga mendapati perbelanjaan pelajar juga berada pada tahap sederhana kesan daripada literasi kewangan yang dimiliki. Mereka bersetuju pelajar tidak akan mengalami masalah ketidakcukupan wang lagi apabila pelajar memiliki literasi kewangan yang baik. Kajian ini juga menunjukkan pelajar politeknik menyedari cabaran yang mereka hadapi dalam mengurus perbelanjaan dengan purata min keseluruhan adalah 2.63 iaitu berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian lepas menyatakan pelajar adalah antara kelompok yang mempunyai ilmu dan kemahiran kewangan yang rendah. Oleh itu, pendedahan awal tentang ilmu kewangan di peringkat institusi pengajian tinggi dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran kewangan mereka.

9. Kesimpulan

Menguruskan wang dengan baik merupakan kemahiran yang penting kepada pelajar dalam menguruskan perbelanjaan mereka di politeknik. Sekiranya pelajar tidak mengurus kewangan dengan baik, ia boleh menyebabkan pelbagai masalah timbul dan memberi kesan kepada pengajian mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati kecekapan pengurusan kewangan pelajar Politeknik Port Dickson masih di tahap sederhana. Kemahiran ini perlu dipertingkatkan lagi di kalangan pelajar politeknik. Pelajar juga menyedari cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam menguruskan perbelanjaan.

Ilmu pengurusan kewangan ini penting kepada pelajar terutamanya semasa berhadapan dengan keadaan semasa yang semakin mencabar seperti pandemik Covid-19. Apabila pelajar sedar tentang kepentingan pengurusan kewangan ini, maka dengan sendirinya mereka dapat bersedia dengan cabaran kehidupan di masa depan. Selain itu, antara perkara penting yang boleh dikaji di masa depan berkaitan pengurusan kewangan pelajar adalah kesan pengurusan kewangan terhadap pencapaian akademik mereka di institusi pengajian tinggi. Ini adalah satu topik yang masih kurang mendapat perhatian dalam kajian. Diharapkan kajian ini dapat memberi nilai tambah terhadap pendidikan pengurusan kewangan di politeknik pada masa kini dan akan datang.

Rujukan

- Abdul-Rahman, A., & Zulkifly, W. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85–94.
- Abdull Rahman, R. H. (2020, April 16). Kesan Covid-19 ke atas pekerja dan majikan. Astro Awani. Capaian daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesan-covid19-ke-atas-pekerja-dan-majikan-238383>
- Aladdin, Y. H., & Ahmad, A. (2017). Tahap Literasi Kewangan di Kalangan Mahasiswa. *Conference: International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity, Padang: Universitas Ekasakti, Padang*, 2373-2387
- Asri, N. M., Bakar, N. A., Laili, I. A., & Saad, S. (2017). Status Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Vol. 29.
- Bakar, A. S. A. (2019, Oktober). Tahap Celik Kewangan Mahasiswa Universiti Utara Malaysia: Impak terhadap pertumbuhan ekonomi mampan. *6th Annual ECoFI Symposium 2019, HIG Hotels, Langkawi, Kedah, Malaysia*.
- Bakar, N. A., Asri, N. M., Laili, I. A., & Saad, S. (2019). Masalah Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2), 113-120.
- Bernama. (2020, April 9). Covid-19: Hampir separuh responden bekerja sendiri hilang pekerjaan. Sinar Harian. Capaian daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/78104/BERITA/Nasional/Covid-19-Hampir-separuh-responden-bekerja-sendiri-hilang-pekerjaan>
- Dahlia I, Rabitah H, Zuraidah M. I. (2009). A study on financial literacy of Malaysian degree students. *Cross-Cultural Communication*, 5(4): 51-59.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P.W. (2011). Educational research: Competencies for analysis and applications (10th ed.). Boston: Pearson Education International.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J. and Anderson, R.E. (2010) Multivariate Data Analysis. 7th Edition, Pearson, New York.
- Hogarth, J. M., & Hilgert, M. A. (2002). Financial Knowledge, Experience, and Learning Preferences: Preliminary Results from a New Survey on Financial Literacy. *Proceedings of the American Council on Consumer Interests 2002 Annual Conference*, 48,1–7.
- Hussin, N. L., & Rosli, L. S. (2019). Literasi Kewangan Dalam Kalangan Pelajar di KUIM. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 4(1), 102-110
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Berita Dan Isu Semasa Impak Covid-19 Kepada Ekonomi*. Capaian daripada https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7_Publication/Articles/20210721-Isu-dan-Berita-Bil_25_2021.pdf
- Mat, N., Mison, M. F., Abdullah, N. A. & Alias, J. (2021). Pandemik Covid-19: Kesan Terhadap Gelagat Pengurusan Perbelanjaan Semasa Masyarakat Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(2), 141-150.
- Md Arof, F. (2021, Okt 3). Hutang, diam dan muflis. Utusan Malaysia. Capaian daripada <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/10/hutang-diam-dan-muflis/>
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohd Najib Abd. Ghafar. (2003). Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Moore, Danna (2003), "Survey of Financial Literacy in Washington State: Knowledge, Behavior, Attitudes, and Experiences," *Technical Report* n. 03-39, Social and Economic Sciences Research Center, Washington State University.
- Murugiah, L. (2016). The level of understanding and strategies to enhance financial literacy among Malaysians. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 6(S3), 130-139.
- MyPF. (2021). Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Ekonomi Malaysia. Capaian daripada <https://mypf.my/2021/07/11/kesan-pandemik-covid-19-terhadap-ekonomi-malaysia/>
- Noraihan, M. Z., Hasmda, M. H., & Jaafar, S. B. (2013). Hubungan antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi - Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. In *Technical and Education Colloquium (TEC) PTSB* (pp. 25–31).

- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. McGraw Hill Education: Shah Alam.
- Norazam, N. S. & Othman, N. (2017). Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 183-193.
- Nur Shahrul Azmi, S., Ab Rahman, S., Ibrahim, S., Muhamad, N., & Mohd Esa, M. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 3(2), 9-23.
- OECD. (2005). *Recommendation on Principles and Good Practices for Financial Education and Awareness: Directorate of Financial and Enterprise Affairs*. Capaian daripada <https://www.oecd.org/daf/fin/financial-education/35108560.pdf>
- Othman, M. A., Abdul Rahim, H., & Sabri, M. F. (2015). Differences in Financial Information. *Proceedings of the Australasian Conference on Business and Social Sciences 2015*, 525–531.
- Rahman, S. A., Azim, A. M. M., & Ismail, S. (2020). Pandemik Covid 19: Tekanan Kewangan, Literasi Kewangan Menjadi Penentu Kesejahteraan Kewangan Di Kalangan Komuniti Durian Tunggal. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 5(1), 91-98.
- Salamon, H., & Lee, N. N. A. N. (2012). Kompetensi Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa: Tinjauan Terhadap Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan), UTM, Skudai. Capaian daripada https://www.academia.edu/6565618/kompetensi_pengurusan_kewangan
- Selvanathan, M., Krisnan, U. D., & Wen, W. C. (2016). Factors Effecting Towards Personal Bankruptcy among Residents: Case Study in Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Human Resource Studies*, 6(3)
- Servon, L. J., & Kaestner, R. (2008). Consumer Financial Literacy and the Impact of Online Banking on the Financial Behavior of Lower-Income Bank Customers. *Journal of Consumer Affairs*, 42 (Summer): 271–305.
- Siman, N. A. A. (2017). Kesedaran Pengurusan Kewangan Yang Baik Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu.
- Wachira, M. I., & Kihui, E., N. (2012). Impact of financial literacy on access to financial services in Kenya. *International Journal of Business and Social*, 3(19), 42–50.
- Wahid, H., & Zahari, S. A. (2020). Literasi Kewangan Dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1), 27-43.
- Yahaya, R., Samsuddin, N., Norwani, N. M., & Rapani, N. H. A. (2018). Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan, Sikap Kewangan Dan Literasi Kewangan Pelajar. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(15), 40-48.
- Yakob, R., Janor, H., & Khamis, N. A. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1), 75-88.
- Mat, N., Misron, M. F., Abdullah, N. A. & Alias, J. (2021). Pandemik Covid-19: Kesan Terhadap Gelagat Pengurusan Perbelanjaan Semasa Masyarakat Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(2), 141-150.